



SIARAN SERTA MERTA
MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (12)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

KENDURI SENI KAMPUNG MERAIKAN KREATIVITI DAN KELESTARIAN BUDAYA DI ULU DONG

19 OGOS 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni, dan Budaya (MOTAC) menerusi agensinya, Balai Seni Negara dengan kerjasama Artgardenmadi mengadakan Program Seni Di Lokasi: Kenduri Seni Kampung Ulu Dong yang berlangsung bermula 15 Ogos hingga 20 Ogos 2023 di Ulu Dong, Raub, Pahang. Program ini merupakan salah satu usaha dalam mempromosikan kelestarian seni dan budaya serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi komuniti tempatan melalui kenduri seni, kerja seni, sembang saran dan bakat seni kreatif.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni, dan Budaya di Artgardenmadi, Kampung Peruas, Ulu Dong. Program Kenduri Seni Kampung merupakan platform yang menyatukan komuniti dan penggiat seni dengan memberi fokus kepada pemulihan ekonomi, kelestarian seni serta pertumbuhan keusahawanan seni.

Program yang mempromosikan kreativiti dan semangat kolaborasi dalam kalangan penggiat seni dan komuniti ini membawakan lebih 10 aktiviti serta pengisian. Antaranya ialah Aur di Tebing yang mengetengahkan kreativiti penggunaan buloh. Ia melibatkan penggiat seni dari dalam dan luar negara. Selain itu, Bengkel Anyaman Kitar Semula turut diadakan bagi mempromosikan kelestarian alam dengan mengubah bahan plastik kitar semula menjadi produk seni yang praktikal antaranya bakul, alas, beg, kulit fail dan sebagainya.

Selain itu, tarikan menarik dan unik di Ulu Dong dilahirkan menerusi Mural Seni. Penghasilan karya seni mural bersaiz 1000 kaki persegi di Sekolah Kebangsaan Ulu Dong melibatkan pelukis tempatan iaitu Suhaimi Ali dan Shal Sefehee, pihak sekolah serta orang awam di sekitar kawasan berkenaan. Selain mampu menjadi tarikan kepada pelancong, ia sekaligus mampu memupuk sikap tanggungjawab masyarakat terhadap hasil seni awam.

Menarik program kali ini, Balai Seni Negara turut mengadakan *Corporate Social Responsibility (CSR)* melalui “Bela Gambo” iaitu preservasi dokumen-dokumen kenangan antaranya sijil kelahiran, sijil perkahwinan, foto-foto peribadi dan dokumen peribadi lain bersama komuniti setempat. Kaedah “Membela Gambo” adalah melibatkan rawatan cucian kering, rawatan tampalan koyak serta pengkapsulan dokumen. Mereka yang terlibat turut diberi pendedahan berkenaan kaedah pemeliharaan dokumen

peribadi yang mempunyai nilai sejarah pemiliknya dan perlu dijaga.

Di samping itu, program ini turut menganjurkan sesi perkongsian mengenai potensi buloh sebagai bahan seni dan industri yang bernilai tinggi melalui Wacana Buloh 'Potensi Tanaman dan Produk Buloh' oleh Ir. Major Hj. Ahmad Mazlan bin Othman, Penggerak dan Pakar Buloh. Mereka yang terlibat juga turut didedahkan dengan teknik membuat hasil seni daripada buloh dengan menyertai Bengkel Seni Buloh.

Antara aktiviti lain adalah Cerita Aok Anak Sape, Pameran Lukisan Tanah Air, Gotong-Royong Pembersihan Sungai, *Botanical Drawing* 'Herba Ulu Dong', Pameran Lukisan Tanah Air, Pameran SWCORP, Bengkel Seni Main Tanah, Permainan Tradisional, Keusahawanan Seni, Jualan Produk Pelancongan Rekreasi/Pekan Sari, Sembang Rakyat "Sejarah Kenduri Kendara", Bengkel Zapin, Persembahan Seni Budaya dan Senaman Taichi.

Kenduri Seni Kampung merupakan sebuah program yang dilihat mampu menjana kreativiti dan kelestarian budaya di Ulu Dong seterusnya meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan seni dalam mempromosikannya sebagai salah satu destinasi yang patut dikunjungi oleh pelancong tempatan dan antarabangsa.

Majlis perasmian turut dihadiri YB Encik Fadzli bin Mohamad Kamal, Ahli Dewan Negeri (ADUN) Dong, YBr. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), YBr. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Yang Mulia Tengku Azuddin Shah Bin T. Alang, AMP, Penolong Pegawai Daerah wakil rasmi Pegawai Daerah Raub, serta pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi.

Maklumat lanjut mengenai program ini, sila ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac



ARTGARDENMADI

Seni di Lokasi Kenduri Seni Kampung

15
- 20
Ogos
2023

ARTGARDENMADI |
KAMPUNG PERUAS |
KAMPUNG PAMAH RAWAS |
ULU DONG, RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR

Program yang menghimpunkan pelbagai lapisan komuniti dan penggiat seni yang berorientasikan kelestarian ekosistem seni menerusi Kenduri seni, kerja seni, sembang saran, bakat seni kreatif untuk dikongsi dalam peningkatan ekonomi komuniti.

Bergotong royong, berkenduri, berpamerah seni, bermain permainan tradisional dan pencarian bakat baru.

Balai Seni Negara
nationalartgallerymy
BalaiSeniNegara
National Art Gallery Malaysia
nationalartgallerymy
Balai Seni Negara MY
#balaiseninegara
#nationalartgallery
#NAGMalaysia

www.artgallery.gov.my

